

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kos Bangunkan KL Meningkat	Berita Harian
2.	DBKL Jumpa Wakil Rakyat WPKL Untuk Jelas Kenaikan Cukai Pintu	Bernama.com
3.	Kenaikan Cukai Tidak Dapat Dielak	Kosmo
4.	DBKL Jumpa Ahli Parlimen	Sinar Harian
5.	Kontraktor Mula Disenarai Hitam	Sinar Harian
6.	Dua Komet Hiasi Langit Hingga Bulan Depan	Bernama.com
7.	Two Comets Decorate Pre-Dawn Skies	The Sun
8.	OIC-CERT:Kecemerlangan Malaysia Diiktiraf Antarabangsa	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 24
TARIKH: 21 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

ISU CUKAI PINTU DBKL

Kos bangunkan KL meningkat

» DBKL akan beri penjelasan kepada 11 Ahli Parlimen

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Cadangan menaikkan kadar cukai pintu di Kuala Lumpur bertujuan memberi perkhidmatan lebih baik bagi memenuhi tuntutan warga kota yang semakin meningkat.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata cadangan itu tidak dibuat sewenang-wenangnya, sebaliknya mengambil kira pelbagai aspek.

Katanya, kos membangunkan Kuala Lumpur sudah meningkat berkali ganda dan penduduknya perlu menyumbang untuk memastikan ke-

rajaan dapat menambah baik perkhidmatan sedia ada.

"Cabaran untuk menguruskan bandar besar memerlukan kewangan yang besar dan rakyat khususnya di Kuala Lumpur pula mahukan perkhidmatan jauh lebih baik seperti dari segi pengurusan sampah dan perparitan."

Pembabitan rakyat

"Semua ini memerlukan wang dan kerajaan tidak boleh bertanggungjawab 100 peratus untuk memikul beban kenakan kos ini, sebaliknya memerlukan pembabitan serta sumbangan rakyat."

"Rakyat mesti faham bahawa kerajaan tidak mampu menyediakan semua perkhidmatan dalam bentuk subsidi atau percuma," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Cabaran Wilayah Bandar Mega Yang Diperluas: Perubahan Wajah Asia Tenggara dan Dunia di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas cadangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menaikkan kadar cukai pintu yang



Abdul Rahman

tidak disemak selama 21 tahun, berikutan nilai harta tanah di Kuala Lumpur yang disifatkan sudah jauh meningkat.

Abdul Rahman berkata, DBKL dalam proses mendapat maklum balas daripada penduduk berhubung cadangan itu dan akan membuat keputusan selepas menerima maklum balas.

Di Kuala Lumpur, BERNA MA melaporkan DBKL akan mengadakan perjumpaan dengan semua 11 Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur hari ini untuk menjelaskan mengenai kadar cukai pintu yang akan dinaikkan mulai tahun hadapan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib, berkata DBKL amat berharap semua wakil rakyat berkenaan dapat menyampaikan kepada penduduk di kawasan masing-masing mengenai ke-naikan kadar cukai itu.

Tak mampu serap kos

"Peningkatan kadar cukai pintu pada tahun depan tidak dapat dielakkan kerana DBKL tidak lagi mampu menyerap kos penyelenggaraan dan pengurusan yang bertambah setiap tahun."

"DBKL juga tidak perlu terlalu bergantung kepada peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat," katanya selepas menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Sirim QAS International Sdn Bhd, semalam.

Ahmad Phesal berkata, kad arah baru yang akan ditentukan kelak akan mengambil kira kepentingan penduduk dan keadaan ekonomi semasa.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 21 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)



DBKL Jumpa Wakil Rakyat WPKL Untuk Jelas Kenaikan Cukai Pintu

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengadakan perjumpaan dengan semua 11 Anggota Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur esok untuk menjelaskan mengenai kadar cukai pintu yang akan dinaikkan mulai tahun hadapan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Ahmad Phesal berkata DBKL amat berharap semua wakil rakyat berkenaan dapat menyampaikan kepada para penduduk di kawasan masing-masing mengenai kenaikan kadar cukai itu.

"Peningkatan kadar cukai pintu pada tahun depan tidak dapat dielakkan kerana DBKL tidak lagi mampu menyerap kos penyelenggaraan dan pengurusan yang bertambah setiap tahun.

"DBKL juga tidak perlu terlalu bergantung kepada peruntukan yang diberi oleh kerajaan pusat," katanya kepada pemberita selepas menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan **Sirim QAS International Sdn Bhd** di sini, Rabu.

Ahmad Phesal berkata kadar baharu yang akan ditentukan kelak akan mengambil kira kepentingan para penduduk dan keadaan ekonomi semasa.

Sementara itu, beliau berkata Sirim QAS International Sdn Bhd dilantik sebagai badan bebas untuk memeriksa tahap kualiti kerja dan perkhidmatan kontraktor supaya mematuhi piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan dalam setiap projek DBKL.

"Peranan Sirim QAS tidak hanya memeriksa hasil kerja, mereka juga bertanggungjawab untuk memastikan bahan yang digunakan adalah berkualiti tinggi selain membuat ujian tauliah bagi setiap kerja yang diselesaikan" katanya.

MOA itu ditandatangani oleh Ahmed Phesal yang mewakili DBKL dan **Pengerusi Sirim QAS International Sdn Bhd, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof**.

Turut hadir Ketua pengarah DBKL Datuk Salleh Yusop dan **Pengarah Urusan Sirim QAS International Sdn Bhd Khalidah Mustafa**.

Selain Sirim QAS International Sdn Bhd, DBKL juga mengadakan kerjasama dengan Kumpulan Ikram Sdn Bhd, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Perhutanan bagi memantau kualiti kerja kontraktor yang dilantik DBKL.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 21 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**

Kenaikan cukai tidak dapat dielak

KUALA LUMPUR — Peningkatan kadar cukai taksiran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tahun depan tidak dapat dielakkan kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak lagi mampu menyerap kos penyelenggaran dan pengurusan yang sentiasa bertambah pada setiap tahun.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, DBKL juga tidak boleh terus bergantung kepada peruntukan kerajaan

Pusat yang mempunyai pelbagai tanggungjawab lain.

"Disebabkan inilah, kami perlu menaikkan kadar cukai untuk menampung segala kos yang semakin tinggi," katanya selepas majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara DBKL dan Sirim QAS International Sdn. Bhd., di sini semalam.

Ahmad Phesal berkata, kadar baharu yang ditentukan kelak juga akan mengambil kira kepentingan penduduk serta situasi ekonomi semasa



dan ia dibuat bukan sehingga menindas rakyat.

Jelasnya, cadangan kenaikan kadar cukai taksiran kediaman itu merupakan satu proses penilaian semula terhadap nilai hartanah di sekitar Kuala Lumpur yang sudah lama tidak dikaji.

Dalam perkembangan berterusan, DBKL akan berjumpa dengan semua II Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hari ini untuk menjelaskan mengenai kenaikan kadar cukai taksiran tersebut.

Menurut Ahmad Phesal, pihaknya berharap semua wakil rakyat berkenaan akan

memberi penjelasan terperinci kepada penduduk di kawasan masing-masing punca kenaikan kadar cukai taksiran tersebut.

Selain itu, katanya, orang ramai juga boleh memberikan cadangan dan maklum balas mengenai isu tersebut dengan menghubungi DBKL di talian 1-800-22-0833 atau 03-2617 1057.

Akhbar baru-baru ini melaporkan bantahan daripada pelbagai pihak berhubung cadangan DBKL yang berhasrat menaikkan kadar cukai taksiran kediaman sebanyak 230 hingga 270 peratus bermula tahun depan.

DBKL jumpa ahli parlimen

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengadakan perjumpaan dengan semua 11 Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur esok untuk menjelaskan mengenai kadar cukai pintu yang akan dinaikkan mulai tahun hadapan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Ahmad Phesal berkata, DBKL amat berharap semua wakil rakyat berkenaan dapat menyampaikan kepada para penduduk di kawasan masing-masing mengenai kenaikan kadar cukai itu.

"Peningkatan kadar cukai pintu pada

tahun depan tidak dapat dielakkan kerana DBKL tidak lagi mampu menyerap kos penyelenggaraan dan pengurusan yang bertambah setiap tahun.

"DBKL juga tidak perlu terlalu bergantung kepada peruntukan yang diberi oleh kerajaan pusat," katanya kepada pemberita selepas menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Sirim QAS International Sdn Bhd, semalam.

Ahmad Phesal berkata, kadar baharu yang akan ditentukan kelak akan mengambil kira kepentingan para penduduk dan keadaan ekonomi semasa. -Bernama



AHMAD PHEZAL

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (ISU CUKAI PINTU DBKL) : MUKA SURAT 43
TARIKH: 21 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

Kontraktor mula disenarai hitam

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini mula menyenarai hitam kontraktor-kontraktor yang dikenal pasti gagal melaksanakan kerja-kerja projek dengan sempurna.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, penelitian juga akan dibuat terhadap kontraktor yang sering membuat sub projek kepada pihak ketiga.

Menurutnya, ia bagi memastikan hasil dan kualiti kerja yang dilaksanakan menetapi piawaian yang ditetapkan.

"DBKL kini juga bekerjasama rapat dengan pihak IKRAM bagi memantau dan menguji semula kerja-kerja yang telah siap memastikan ia berada pada tahap yang sepatutnya.

"Kita sering menerima aduan berhubung kerja-kerja yang dilakukan yang sering menimbulkan rasa tidak puas hati warga kota, contohnya seperti penurapan jalan.

"Jadi pada tahun hadapan, peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan akan diberi keutamaan, diharapkan pihak kontraktor terlibat dapat melaksanakan kerja dengan lebih berkualiti," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menegaskan, DBKL kini serius dalam memastikan projek-projek

yang dilaksanakan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan menerusi penilaian yang dibuat oleh kumpulan bebas.

Katanya, kerjasama dengan Sirim QAS International dibuat bagi membolehkan setiap projek dipantau dari masa ke semasa.

"Kumpulan bebas ini akan mengambil tindakan jika didapati berlakunya kecuaian, dan kini siasatan telah dimulakan terhadap sebuah projek iaitu Heritage Trail Dataran Merdeka yang mana terdapat beberapa spesifikasi yang tidak jelas.

"Penelitian juga akan dibuat terhadap perunding yang bertanggungjawab membuat reka bentuk bagi projek berkenaan," katanya.

Ahmad Phesal menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara DBKL dan Sirim QAS International Sdn Bhd semalam.

"Sirim QAS International juga akan memastikan barang yang dihantar oleh pembekal memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dan membangunkan spesifikasi kerja bagi perkhidmatan dan barang yang belum ada rujukan piawaian.

"Lebih penting dengan kerjasama ini diharap dapat meningkatkan tahap keyakinan dan persepsi masyarakat terhadap mutu kerja yang dilaksanakan DBKL," katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 21 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)



Dua Komet Hiasi Langit Hingga Bulan Depan

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Orang ramai boleh melihat dua komet yang dijangka terus menghiasi ruang langit negara ini dari bulan ini hingga bulan depan, kata [Agensi Angkasa Negara](#).

Komet C/2012 S1 (ISON) kini semakin menghampiri Matahari dan waktu yang terbaik untuk melihatnya pada esok sebelum subuh, kata agensi itu dalam kenyataan di sini.

Komet itu akan berada paling dekat dengan Matahari pada 28 Nov.

Selain komet itu, terdapat sebuah lagi komet, C/2013 R1 (Lovejoy) yang agak terang dan kini boleh dilihat di langit pada waktu pagi.

Komet 'Lovejoy' itu ditemui oleh pencerap Australia, Terry Lovejoy pada 9 Sept dan kini bergerak mendekati Matahari pada 25 Dis.

Ia berada pada ketinggian yang baik untuk dicerap iaitu sekitar 35 hingga 45 darjah dari ufuk timur laut kira-kira sejam sebelum matahari terbit sehingga akhir bulan ini.

Mereka yang berminat, boleh menyertai Program Angkasa 'Talk-Meteor & Comet: Countdown for ISON' pada 23 Nov bermula jam 8.30 malam hingga 10 malam di Planetarium Negara.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
THE SUN (BRIEFS) : MUKA SURAT 09
TARIKH: 21 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**

TWO COMETS DECORATE PRE-DAWN SKIES

KUALA LUMPUR: Skywatchers will be able to see two comets decorate our skies from this month to next month, according to the National Space Agency. In a statement, the agency said comet C/2012 S1 (ISON) is now closer to the Sun and the best time to see it is tomorrow before dawn. The comet will be very close to the Sun on Nov 28. Apart from this comet, there will be another one, C/2013 R1 (Lovejoy), a relatively bright comet which can now be seen in the sky in the morning. It is at a good height to be observed at around 35 to 45 degrees from the northeastern horizon about an hour before sunrise until the end of this month. Those who are interested can join the "Space Programme Talk-Meteor and Comet: Countdown for ISON" on Nov 23 starting at 8.30pm at the National Planetarium.
— Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3
TARIKH: 21 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

OIC-CERT: Kecemerlangan Malaysia diiktiraf antarabangsa

BANDUNG 20 Nov. - Kecemerlangan Malaysia di peringkat antarabangsa terus diiktiraf selepas dipilih sebagai Sekretariat Tetap Badan Gabungan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (CERT) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Pemilihan Malaysia itu sekali gus menghargai kepimpinan dan kepakaran negara dalam bidang keselamatan siber.

Pengerusi Cybersecurity Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed berkata, persefutan untuk menjadikan Malaysia sebagai Sekretariat Tetap OIC-CERT dicapai pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kelima badan berkenaan di



Saharudin
Musthafa

Melaporan dari
BANDUNG, INDONESIA

bersetuju Sekretariat Tetap ditempatkan di Kuala Lumpur.

"Penubuhan Sekretariat Tetap ini membolehkan Malaysia turus memberi sumbangan signifikan kepada kerjasama dengan negara-negara anggota OIC dalam keselamatan siber," katanya kepada wartawan selepas majlis perasmian persidangan tahunan dan AGM OIC-CERT 2013 di sini hari ini.

Persidangan tahunan dan AGM OIC-CERT yang dirasmikan Menteri

sini semalam.

Menurut Mohd. Azumi, Malaysia sebelum ini mengemukakan cadangan untuk menubuhkan Sekretariat Tetap OIC-CERT di Oman tahun lalu dan dipersefui oleh semua negara anggota.

"Pada 8 November lalu pula, kerajaan Malaysia memperakui dan



MOHD. AZUMI

Komunikasi dan Informasi Indonesia, Tifatul Sembiring itu disertai sebanyak 19 negara anggota OIC dari rantau Asia, Afrika dan Asia Barat.

Menurut Mohd. Azumi, Sekretariat Tetap OIC-CERT di Kuala Lumpur akan bertindak selaku penyelaras maklumat berhubung agenda badan berkenaan dengan semua negara anggota.

Dalam masa sama, katanya, Sekretariat Tetap OIC-CERT akan menyelaras dan memastikan setiap keputusan yang dibuat jawatankuasa

pemandu negara anggota dilaksanakan.

"Sekretariat Tetap juga akan memberi tumpuan kepada usaha menambah jumlah anggota OIC-CERT pada masa hadapan," katanya.

Malaysia yang mencetus idea penubuhan OIC-CERT juga sebelum ini menjadi Pengerusi badan gabungan itu selama dua penggal berurut-turut bermula 2009.

Kedudukan itu kini diambil alih oleh Oman untuk penggal perkhidmatan baharu kerana Malaysia tidak lagi boleh memegang kerusi itu lebih daripada dua penggal.

OIC-CERT ialah sebuah badan ga-

bungan yang bertujuan meningkatkan perkongsian maklumat dalam bidang keselamatan maklumat dalam kalangan negara anggota Islam.

Usaha penubuhan badan ini juga berteraskan matlamat menghalang dan mengurangkan jenayah siber.

Inisiatif Malaysia itu bermula pada 2005 dengan gabungan empat negara anggota OIC iaitu Tunisia, Nigeria, Pakistan dan Arab Saudi.

Sekretariat Tetap OIC-CERT di Kuala Lumpur diterajui oleh Cybersecurity Malaysia iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. - UTUSAN